

14 JUN 2002

Hamid-Islam

UMAT ISLAM PERLU BALIK KE PERJUANGAN ASAL, KATA HAMID OTHMAN

MELAKA, 14 Jun (Bernama) -- Umat Islam di negara ini perlu kembali kepada perjuangan asal Islam dengan bersatu padu sebagai persiapan untuk menghadapi cabaran masa hadapan.

Penasihat Khas Agama kepada Perdana Menteri Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman berkata mengelakkan sebarang persengketaan kerana ia hanya boleh menyebabkan kerugian dan mudah dikalahkan oleh orang lain.

"Pertubuhan politik yang ada perlu mencari jalan untuk penghidupan yang sempurna. Apabila berbalah sesama kita, ia tidak akan sampai kepada matlamat perjuangan Islam yang sebenarnya dan kita tidak akan kuat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Islam 2002 hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan lebih 400 peserta dari seluruh negara.

Konvensyen dua hari itu yang bertemakan "Islam Wadah Perpaduan Ummah" dianjurkan oleh kerajaan negeri dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Sembilan kertas kerja dibentangkan.

Dr Abdul Hamid berkata untuk dihormati umat Islam perlu menunjukkan kecemerlangan dalam kehidupan dan Malaysia telah menunjukkan pembangunan yang dijalankan sekarang mengikut kehendak Islam.

"Kita telah menepati asas sebagai sebuah negara Islam, pelaksanaan Islam berjalan di sini dan pemerintahan negara diterajui oleh orang Islam," katanya.

Beliau berkata umat Islam perlu sedar dan faham akan ajaran Islam dan tidak terpengaruh dengan ajaran-ajaran yang memecahbelahkan umat Islam.

Abdul Hamid turut menyarankan agar portfolio agama di setiap negeri dipegang oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri supaya perjalanan pentadbiran negeri berkenaan bergerak seiring dengan Islam.

"Perkara ini pernah diputuskan oleh kerajaan pusat dan sehingga kini kita lihat Melaka dan Negeri Sembilan sudah melaksanakan keputusan itu. Tujuan saranan ini adalah untuk menyelaraskan hal-hal agama dalam urusan kerajaan negeri," katanya.

Sementara itu Mohd Ali dalam ucapannya berkata umat Islam perlu menunjukkan semangat kerjasama dan bersatu kerana ia boleh memberi gambaran yang elok kepada bukan Islam.

Beliau berkata umat Islam perlu sedar tentang adanya kecenderungan di kalangan golongan tertentu untuk menggunakan agama bagi memecah-belahkan mereka.

Katanya Malaysia kini telah mendapat pengiktirafan dunia dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah dijemput untuk berbincang mengenai isu-isu antarabangsa sebagai pemimpin Islam.

-- BERNAMA

SBS NMO